

- bertindak secara strategik dalam mengesan, menggubai, memperaku dan melaksana cadangan penambahbaikan atau penyelesaian bagi mencapai *outcome* yang optimum, tepat dan berkesan.
- b. Profesional**  
Bertindak dengan penuh komitmen dengan memanfaatkan kompetensi dan kepakaran spesifik apabila mencadangkan penyelesaian dan penambahbaikan bagi setiap masalah.
- c. Responsif**  
Peka dan prihatin kepada kehendak stakeholders dan keperluan pelanggan di samping memahami isu-isu senario semasa dan cepat dalam mencari penyelesaian terbaik.
- d. Kerja Berpasukan**  
Menggembeleng tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan misi.
- e. Berintegriti**  
Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa tanggung jawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku beramanah.

## MEKANISMA PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap Jabatan di MPAG memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh pelan strategik ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti berikut:

- a. Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik & Pencapaian - Setiap tahun
- b. Penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik - 2013

Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap tahun untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategi, program dan tahap pencapaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2013. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik MPAG.

Bagi memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, jawatankuasa khas diwujudkan. Jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi MPAG. Keahlian jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengerusi	Yang Dipertua
Timbalan Pengerusi	Setiausaha
Ahli-Ahli	Ketua Jabatan
Urusetia	Jabatan Khidmat Pengurusan

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelarasan utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik MPAG berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan.

Selepas perancangan strategik ini dilaksanakan dan berakhir pada tahun 2015, peranan MPAG diharap akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran. Oleh kerana agenda pengurusan dan perkhidmatan perbandaran adalah agenda yang berterusan, maka perancangan strategik 2010-2015 bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangunkan dan memantapkan lagi transformasi pengurusan dan perkhidmatan perbandaran MPAG berdasarkan kepada keperluan semasa.

Selepas tahun 2015, MPAG mempunyai gagasan dan wawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut :


- a) Menjadi PBT yang terunggul di Malaysia dalam pengurusan dan perkhidmatan perbandaran yang cekap lagi berkesan serta dijadikan penanda aras dan pusat rujukan di peringkat nasional; dan
- b) Dapat menyediakan semua perkhidmatan teras dan sokongan secara *on-line*

## PENUTUP


Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik 2010-2015 telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan / program yang perlu dilaksanakan.

Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.





# PELAN STRATEGIK 2010 - 2015



**MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAJ**  
 Jalan Dato' Dol Said, 78000 Alor Gajah, Melaka  
 Tel : 06 - 5561010, 5562575, 556160  
 Fax : 06-556490  
 Email : [mpag@mpag.gov.m](mailto:mpag@mpag.gov.m)  
 Laman Web : [www.mpag.gov.m](http://www.mpag.gov.m)

## PENGENALAN

Majlis Daerah Alor Gajah telah disusun semula mengikut Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan, 1976) mulai daripada 1 Julai 1978 dan telah dinaiktaraf ke Majlis Perbandaran Alor Gajah pada 1 Mei, 2003.

Penyusunan semula di bawah Akta 171 adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:-

- Melicinkan jentera pentadbiran Majlis supaya bertambah cekap dan berkesan.
- Mengeratkan perpaduan rakyat di dalam kawasan pentadbiran Majlis.
- Memasatkan lagi projek-projek pembangunan sosio-ekonomi di kawasan Majlis.
- Membolehkan Majlis berdikari dengan berotonomi kewangan.
- Mengekalkan amalan demokrasi dengan memberi peluang kepada penduduk tempatan yang layak untuk menjadi Ahli Majlis.

Dengan penyusunan semula ini, kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Alor Gajah meliputi seluruh kawasan daerah Alor Gajah seluas 636 km persegi.

Mengikut Data Asas Melaka 2008 anggaran penduduk dalam daerah Alor Gajah berjumlah 163,900 orang yang merupakan pelanggan kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah

Majlis Perbandaran Alor Gajah mengamalkan pentadbiran 3 peringkat iaitu:

- Majlis - Pengubal Dasar
- Jawatankuasa - Penasihat
- Pengurusan - Pelaksana

Majlis Perbandaran Alor Gajah diketuai oleh seorang Yang Dipertua dan dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang dilantik dari kalangan masyarakat oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh setahun ke setahun



## VISI & MISI

### VISI

Menjadikan Perbandaran Alor Gajah Terunggul Menjelang 2015.

### MISI

Meningkatkan Tahap Kemampunan Kualiti Hidup Melalui Perkhidmatan Dan Pengurusan Perbandaran Yang Inovatif Dan Responsif.

### MOTO

Alor Gajah (AG)  
Dinamik - Progresif - Holistik

## OBJEKTIF STRATEGIK & STRATEGI

- Objektif Strategik Pertama**  
Memperkasakan Tadbir Urus Bagi mempertingkatkan Kecemerlangan Organisasi.  
**Strategi**
  - Meningkatkan Integriti Dan Akauntabiliti Warga MPAG.
  - Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan.
  - Memperkasakan Program Kualiti.
  - Meningkatkan Pelaksanaan Dan Kecekapan Penggunaan ICT.
- Objektif Strategik Kedua**  
Memperkuatkan Kapasiti Dan Keupayaan Organisasi Bagi Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Pengurusan.  
**Strategi**
  - Memperkuatkan Kecekapan Pengurusan.
  - Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif.
  - Memperkuatkan Kedudukan Kewangan.
- Objektif Strategik Ketiga**  
Memantapkan Pengurusan Perbandaran bagi Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat.  
**Strategi**
  - Memantapkan Pengurusan Perbandaran.
  - Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran.
- Objektif Strategik Keempat**  
Memantapkan Kolaborasi Strategik Bagi Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan.  
**Strategi**
  - Meningkatkan Jaringan Kerjasama Dengan Semua Pihak Yang Berkepentingan Dengan MPAG.
  - Pembangunan Dan Penyelidikan Bersama Rakan Strategik.

## PUNCA KUASA



## STAKEHOLDERS & PELANGGAN

